

**KENYATAAN AKHBAR**

**ENCK SELVARAJAN A/L RATHINAM – AHLI MAJLIS MBPJ MENINGGAL DUNIA.**

27 Jun 2012 – MBPJ telah dimaklumkan bahawa En Selvarajan a/l Rahinam, Ahli Majlis MBPJ telah meninggal dunia akibat kemalangan di Kota Kemuning, Shah Alam. Kemalangan di katakan berlaku pada jam 2.00 pagi dan dimaklumkan kematiannya pada jam 4.00 pagi di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang pada 27 Jun 2012.

Berita ini amat mengjutkan seluruh wargakerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dimaklumkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis.

Mendiang dilahirkan pada 19 November 1958 di Kuala Langat Selangor, beliau telah mula berkhidmat sebagai ahli majlis MBPJ sejak 7 Julai 2009 sehingga kini. Mendiang yang berkelulusan Diploma Pengurusan Hotel telah memulakan kerjaya sebagai seorang Penyelia Penyambut Tetamu di Hotel Theme Park Malaysia, Genting Highland Resort. Mendiang meninggalkan seorang isteri Jayamalah a/p S. Andi pula seorang suri rumah sepenuh masa 3 orang cahaya mata.

Beliau yang baru sahaja menetap di No.21 Jalan Anggerik Tania 13/114, Kota Kemuning, Shah Alam.

Sekian di maklumkan.

Dikeluarkan oleh

**Sekretariat Media**  
**Unit Perhubungan Awam**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**  
Tarikh: 27 Jun 2012